

Mini Konvensyen Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KIK) Peringkat Agensi Di Bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia Bagi Tahun 2015

Lembaga Pelabuhan Kelang (LPK) telah diberi penghormatan untuk menganjurkan Mini Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat Agensi di bawah MOT bagi tahun 2015 pada 22 November 2015 bertempat di Hotel Pullman Putrajaya Lakeside. KIK adalah salah satu pendekatan kualiti yang bertujuan untuk menyelesaikan masalah di tempat kerja. Ianya adalah gabungan beberapa orang pegawai dan kakitangan dalam menilai sesuatu permasalahan secara sistematik.

Sebanyak 3 kumpulan telah bertanding iaitu daripada Lembaga Pelabuhan Kelang (LPK), Lembaga Pelabuhan Kuantan (LPKtn) dan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP). LPK yang telah diwakili oleh Kumpulan Evo Team terdiri daripada wakil dari Jabatan Sumber Manusia, Jabatan Teknologi Maklumat, Jabatan Khidmat Pengurusan & Perolehan dan Jabatan Penswastaaan & Pelaburan telah membentangkan projek bertajuk ***'Proses Pengurusan Latihan Untuk Pegawai Dan Kakitangan Yang Kurang Efisyen Di Lembaga Pelabuhan Kelang'***.

Pada pertandingan tersebut, Kumpulan Evo Team (LPK) telah berjaya merangkul hadiah selaku **kumpulan terbaik dari segi persembahan** dan seterusnya telah **berjaya meraih tempat pertama didalam pertandingan tersebut**. Ini merupakan kejuaraan buat kali kedua berturut-turut dimenangi oleh LPK sepanjang pelaksanaan mini konvensyen KIK ini yang mula diadakan pada tahun 2013. Sekalung tahniah dan syabas diucapkan kepada kumpulan Evo Team kerana telah mengharumkan nama LPK.

